

## BAB LIMA

### RUMUSAN DAN CADANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga mempunyai kaitan dalam membawa masalah disiplin kepada ketiga-tiga peserta yang dikaji. Ketiga-tiga peserta ini telah melibatkan diri dalam keskes disiplin yang agak serius. Seorang peserta telah melibatkan diri dalam kes mencuri dan dua lagi peserta terlibat dalam kes menggunakan kata-kata lucuah. Peserta-peserta juga tidak menunjukkan rasa hormat kepada guru. Selain daripada itu ketiga-tiga peserta juga telah terlibat dalam kegiatan merokok di luar kawasan sekolah, malah ada juga yang merokok di kawasan sekolah. Terdapat juga seorang peserta melawan cakap guru yang boleh dianggap sebagai satu perbuatan yang tidak sopan.

Walaupun pengaruh keluarga agak menonjol dalam membawa masalah disiplin kepada ketiga-tiga peserta tersebut tetapi pengaruh rakan sebaya dan sekolah juga turut membantu meningkatkan lagi tindakan peserta-peserta dalam melibatkan diri dalam masalah disiplin.

#### 5.1 PENGARUH RAKAN SEBAYA

Rakan adalah orang yang paling penting dalam kehidupan seseorang untuk membentuk sahsiah yang baik. Kesilapan dalam memilih kawan boleh membawa kepada masalah-masalah yang tidak diingini. Dapatan kajian

menunjukkan bahawa ketiga-tiga peserta telah membuat kesilapan itu, iaitu memilih kawan yang tidak mempunyai tingkahlaku yang baik. Ketiga-tiga peserta mempunyai rakan -rakan yang tidak mempunyai nilai-nilai yang boleh dicontohi. Rakan -rakan mereka adalah di kalangan pelajar yang suka ponteng kelas, ponteng sekolah dan sebagainya. Apabila peserta-peserta bergaul dengan mereka maka dengan tersendirinya wujud keinginan untuk ponteng.

Rakan- rakan ketiga-tiga peserta juga adalah mereka yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang lemah dalam pelajaran. Ini telah menyebabkan peserta-peserta tidak ada peluang untuk mendapatkan bantuan mereka dalam pelajaran. Rakan-rakan peserta juga tidak dapat menjadi contoh yang baik kepada peserta-peserta untuk berjaya dalam pelajaran.

Pengaruh rakan sebaya juga sangat jelas dalam mempengaruhi peserta-peserta melibatkan diri dalam masalah disiplin apabila didapati peserta-peserta bertindak melanggar peraturan sekolah dengan meninggalkan kelas dan sekolah sesuka hati semata-mata ingin bersama kawan. Peserta-peserta juga agak berani melanggar disiplin sekiranya mereka dalam kumpulan. Ini dapat dilihat di mana seorang peserta berani melibatkan diri dalam pergaduhan kerana adanya bantuan daripada rakan-rakannya yang lain. Peserta-peserta juga agak berani meninggalkan sekolah kerana adanya rakan -rakan lain yang sanggup berbuat demikian.

Peserta-peserta juga sanggup melanggar disiplin sekolah semata-mata diterima oleh rakan-rakannya. Mereka meninggalkan kawasan sekolah dan melepak di pusat membeli-belah kerana ingin bersama rakan mereka dan berasa lebih selesa semasa bergaul dengan mereka. Ini telah membawa kepada situasi di mana peserta-peserta melanggar disiplin sekolah.

## 5.2 PENGARUH SEKOLAH

Pengaruh sekolah juga telah membawa kepada masalah disiplin. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga peserta menghadapi masalah dalam penguasaan Bahasa Melayu. Tidak dapat dinafikan bahawa Bahasa Melayu merupakan bahasa yang penting kepada seseorang pelajar untuk mengikuti pelajaran di sekolah. Kelemahan dalam bahasa ini telah menyebabkan ketiga-tiga peserta telah hilang minat untuk belajar kerana tidak berapa faham dengan apa yang dipelajari. Ini merupakan satu punca utama peserta-peserta sering meninggalkan kelas dan sering terlibat dengan masalah disiplin. Pihak sekolah juga tidak mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah ini. Keadaan ini telah membantu peserta-peserta melibatkan diri dalam masalah disiplin.

Memang diketahui peserta-peserta tidak minat untuk belajar. Dalam keadaan ini pihak sekolah hendaklah mengambil langkah positif untuk menyelesaikan masalah ini. Tetapi apa yang berlaku ialah pihak sekolah telah mengabaikan tanggungjawab itu. Malangnya guru-guru yang mengajar peserta-

peserta tersebut tidak berusaha mengatasi masalah ini. Guru-guru juga telah membiarkan keadaan ini berterusan kerana peserta-peserta tidak menghormati mereka dan tidak mahu mengikut arahan. Guru-guru telah putus asa dan mengasingkan diri mereka daripada peserta-peserta ini. Ini telah menyebabkan peserta-peserta tidak suka kepada mereka dan bertindak melanggar peraturan sekolah.

Pihak sekolah juga bertindak tegas dengan peserta-peserta sekiranya mereka melakukan kesalahan. Guru disiplin mengambil tindakan keras dengan menghukum mereka. Tidak mencuba cara lain untuk membetulkan sikap peserta-peserta ini. Tindakan tegas ini telah menyebabkan peserta-peserta ini berasa benci terhadap guru-guru yang bertindak tegas terhadap mereka. Ini telah menyebabkan mereka bertindak liar dan melibatkan diri dalam masalah disiplin.

Kedudukan sekolah juga telah membantu peserta-peserta melibatkan diri dalam masalah disiplin. Hasil kajian juga menunjukkan peserta-peserta sering meninggalkan sekolah melepak di pusat membeli belah yang berdekatan dengan sekolah. Pihak sekolah tidak mengambil apa-apa langkah untuk mengelakkan keadaan ini. Walaupun pihak sekolah menghubungi pihak polis untuk mengambil tindakan tetapi pihak polis tidak mungkin dapat mengawasi tempat itu sepanjang masa. Tiadanya tindakan berkesan daripada pihak sekolah telah menyebabkan peserta-peserta berasa agak bebas melepak di kawasan itu. Ini telah menyebabkan peserta-peserta tidak berasa takut untuk melanggar disiplin sekolah.

### 5.3 PENGARUH KELUARGA

Pengaruh keluarga juga sangat penting dalam membawa masalah disiplin. Hasil kajian mendapati bahawa kesemua peserta yang dikaji tidak menerima bimbingan dalam pelajaran. Ibu bapa peserta-peserta kajian tidak sedar tentang tanggungjawab mereka dalam membantu anak-anak mendapat pendidikan yang baik. Mereka berpendapat bahawa tanggungjawab sebagai ibu bapa selesai sekiranya menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Bagi mereka tugas mendidik anak adalah tanggungjawab sekolah.

Ibu bapa peserta juga tidak menyemak buku-buku pelajaran anak-anak mereka. Walaupun ibu bapa ketiga-tiga peserta itu kurang berpendidikan tetapi itu tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak memeriksa buku-buku mereka. Adalah menjadi tugas mereka menyemak buku-buku anak supaya sekurang-kurangnya anak-anak ada perasaan takut bahawa ibu bapa akan memeriksa buku-buku mereka. Ini dapat mengelakkan peserta-peserta daripada kurang memberi perhatian pada pelajaran. Keadaan begini telah menyebabkan peserta-peserta tidak takut dan berani membuat sesuatu yang bertentangan dengan peraturan sehingga melanggar disiplin sekolah.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ketiga-tiga peserta ini sering menonton video di rumah. Filem-filem Tamil yang ditonton boleh membawa kepada masalah disiplin. Peserta-peserta akan cuba ikut adegan-adegan yang ditunjukkan dan akan menjadikannya sebagai panduan untuk bertindak dalam

menangani masalah yang dihadapi. Filem-filem Tamil memang terkenal dengan adegan-adegan ganas. Ibu bapa peserta sepatutnya menghalang peserta-peserta daripada menonton filem-filem sedemikian. Tetapi apa yang berlaku ibu bapa peserta duduk bersama-sama dengan peserta dan menonton filem. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa peserta tidak sedar akan kesan yang dibawa oleh filem-filem tersebut. Ini juga telah menyebabkan peserta-peserta bertindak melanggar disiplin sekolah.

Sikap ibu yang memanjakan anak juga telah membantu anak-anak melibatkan diri dalam kes-kes disiplin. Walaupun seseorang ibu perlu menunjukkan kasih sayang kepada anaknya tetapi ia mesti ada batasannya. Dapatkan kajian menunjukkan peserta-peserta telah dimanjakan oleh ibu mereka. Ibu mereka juga tidak melaporkan salahlaku peserta kepada ayah. Ini telah menyebabkan tindakan tidak dapat diambil sekiranya peserta-peserta melakukan kesalahan. Sikap begini telah menyebabkan peserta-peserta berasa agak bebas dan tidak takut untuk melibatkan diri dalam masalah disiplin.

Dapatkan kajian juga menunjukkan bapa ketiga-tiga peserta tidak mempunyai hubungan yang baik dengan anak. Tiadanya hubungan yang rapat telah menyebabkan peserta-peserta berasa agak sukar untuk berkomunikasi dengan bapa dan tidak dapat membincangkan masalah mereka untuk mendapat penyelesaian yang baik. Bapa sepatutnya berusaha untuk mengekalkan hubungan yang baik dengan anak. Dengan demikian bapa berkesempatan mendengar masalah anak dan seterusnya dapat menyelesaikannya. Ketiadaan hubungan rapat

peserta-peserta dengan bapa telah menyebabkan mereka melibatkan diri dalam masalah disiplin.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ibu bapa peserta-peserta tidak mengambil tahu tentang rakan-rakan anak mereka. Ibu bapa sepatutnya mengawasi dengan siapakah anak mereka bergaul dan apakah yang dibuat oleh mereka semasa berada dengan rakan-rakan mereka. Ini dapat membantu ibu bapa mengawal tingkahlaku anak-anak mereka sekiranya mereka terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah. Ketiadaan pengawasan seperti ini telah menyebabkan peserta-peserta dalam kajian ini bebas melakukan apa sahaja sehingga terlibat dalam kes-kes disiplin semasa berada dengan rakan-rakan mereka.

Dapatan kajian juga menunjukkan ibu bapa ketiga-tiga peserta tidak meluangkan masa bersama anak mereka. Mereka lebih berminat mencari pendapatan untuk menyara keluarga. Sekiranya ibu bapa meluangkan masa untuk bersama dengan anak ianya boleh membantu menyelesaikan banyak masalah.. Dalam kajian ini didapati ibu bapa tidak berbuat demikian. Ini telah menyebabkan peserta-peserta melibatkan diri dalam masalah disiplin.

#### **5.4 KESIMPULAN**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga mempunyai kaitan di antara satu sama lain dalam mencetuskan

masalah disiplin. Walaubagaimanapun pengaruh keluarga boleh dianggap sebagai punca utama manakala pengaruh rakan sebaya serta pengaruh sekolah telah membantu memburukkan lagi keadaan.

Masalah disiplin bermula dengan tiadanya perhatian dan pengawalan ibu bapa terhadap anak . Sekiranya ibu bapa mengambil tahu tentang apa yang dibuat oleh anak bila bersama dengan kawan-kawan mereka dan apakah yang dibuat oleh mereka semasa di sekolah boleh membantu ibu bapa dalam mendidik seseorang anak menjadi warganegara yang baik. Dapatkan kajian ini menunjukkan ibu bapa peserta tidak berbuat demikian dan ini menyebabkan peserta-peserta kajian agak bebas melakukan apa sahaja mengikut suka hati. Ini telah memberi ruang yang cukup untuk peserta-peserta melibatkan diri dalam masalah disiplin .

Sikap ibu bapa peserta yang tidak mengenakan peraturan yang sepatutnya diikuti oleh mereka telah juga membantu dalam membawa masalah disiplin. Peserta-peserta tidak dilatih sejak kecil lagi untuk mengikut serta menghormati peraturan telah menyebabkan mereka membuat sesuka hati tanpa menghiraukan peraturan yang ada.

Sikap ibu bapa peserta yang telah menyerahkan tanggungjawab mendidik anak kepada pihak sekolah adalah satu kesilapan yang besar. Ini adalah kerana tugas itu harus dipikul oleh ibu bapa. Dengan hanya bergantung kepada sekolah dalam mendidik anak akan merugikan anak-anak mereka sendiri kerana

pihak sekolah tidak mampu mendidik anak dalam semua aspek. Ibu bapalah orang yang penting dalam mendidik anak, sekolah hanya membantu sahaja.

Kelemahan peserta-peserta dalam pelajaran tidak diberi perhatian oleh ibu bapa dan juga pihak sekolah. Ini telah memburukkan lagi keadaan. Ibu bapa tidak mengambil langkah-langkah yang sesuai dalam membantu mereka. Pihak sekolah juga telah membiarkan peserta-peserta tanpa bantuan yang perlu. Ini telah menyebabkan peserta-peserta telah merapatkan diri mereka dengan rakan sebaya mereka dan seterusnya melibatkan diri dalam masalah disiplin.

Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga mempunyai peranan masing-masing dalam mempengaruhi peserta-peserta melibatkan diri dalam masalah disiplin. Ketiga-tiga aspek ini saling berkait dan mempunyai hubungan dalam membawa masalah disiplin.

## **5.5 CADANGAN UNTUK MENGATASI MASALAH DISIPLIN**

Tindakan untuk mengatasi masalah disiplin haruslah melibatkan semua pihak. Dengan hanya bergantung kepada satu pihak sahaja dalam menangani masalah ini tidak akan mendapat penyelesaian yang baik. Oleh yang demikian beberapa langkah perlu dibuat untuk mengatasi masalah ini.

**(a) Kursus Keibu bapaan**

Para ibu bapa haruslah sedar akan tanggungjawab mereka dalam mendidik anak-anak. Ketidakfahaman dalam mendidik anak akan membawa kepada masalah disiplin. Adalah penting untuk memberikan pendedahan kepada ibu bapa tentang cara mendidik anak yang betul. Kursus keibu bapaan boleh memenuhi tuntutan tersebut. Pihak sekolah dengan bantuan Unit Bimbingan dan Kaunseling haruslah mengadakan kursus tersebut. Di dalam kursus itu ibu bapa hendaklah diterangkan tentang segala aspek mengasuh anak dengan betul. Dengan ini ibu bapa akan mendapat pengetahuan yang lebih dalam mendidik anak-anak menjadi seorang warganegara yang baik. Ini boleh membantu mengurangkan masalah disiplin di sekolah.

**(b) Kelas Khas Bahasa Melayu**

Salah satu punca utama pelajar-pelajar India melibatkan diri dalam masalah disiplin adalah kerana mereka lemah dalam Bahasa Melayu. Kelemahan dalam bahasa ini menyebabkan mereka hilang minat untuk belajar matapelajaran lain kerana mereka tidak faham apa yang diajar oleh guru. Keadaan ini menyebabkan mereka merasa bosan dan melibatkan diri dalam perbuatan yang tidak berfaedah. Ini membawa kepada masalah disiplin. Pihak sekolah harus mengatasi masalah ini dengan mengadakan kelas Bahasa Melayu untuk pelajar-pelajar yang lemah. Ini haruslah dilakukan semasa pelajar berada dalam kelas Peralihan lagi. Pihak sekolah boleh meminta bantuan guru-guru menjalankan

kelas ini dengan memberi insentif kepada mereka. Bagi tujuan ini pihak sekolah boleh mendapatkan bantuan daripada PIBG sekolah.

**(c) Program Anak Angkat**

Pihak sekolah juga boleh mengadakan program anak angkat kepada pelajar-pelajar yang bermasalah. Pihak sekolah harus mengenalpasti pelajar-pelajar yang selalu menimbulkan masalah disiplin. Setiap pelajar yang telah dikenalpasti diletakkan di bawah pengawasan seorang guru. Guru tersebut hendaklah membantu pelajar tersebut dalam aspek pendidikan dan mengawasi tingkahlaku mereka. Guru-guru juga harus bertemu dengan anak angkat mereka sekurang-kurangnya sekali seminggu. Ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan pelajar-pelajar melibatkan diri dalam masalah disiplin kerana adanya perhatian dan bimbingan daripada guru yang ditugaskan.

**(d) Peranan PIBG**

PIBG sekolah hendaklah mengadakan sesi perbincangan di antara ibu bapa dan guru. Dengan adanya perbincangan seperti ini para ibu bapa dapat tahu perkembangan yang berlaku di sekolah dan pada masa yang sama ibu bapa dapat berjumpa dengan guru-guru yang mengajar anak mereka. Ini akan membolehkan ibu bapa mendapat maklumat terkini tentang pelajaran anak-anak dan kelakuan mereka di sekolah. Dengan adanya usaha ini akan membolehkan pelajar-pelajar dapat dikawal daripada melibatkan diri dalam kes-kes disiplin kerana kedua-dua

pihak iaitu pihak sekolah dan ibu bapa sentiasa peka terhadap tingkah laku para pelajar.

**(e) Peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah**

Menangani masalah disiplin bukanlah dengan hanya mengambil tindakan tegas terhadap pelajar dan mengenakan hukuman tetapi ada juga cara yang lebih berkesan seperti memberikan nasihat dan kaunseling. Kaunselor sekolah hendaklah memainkan peranan penting dalam perkara ini di mana mengenalpasti pelajar-pelajar yang selalu menimbulkan masalah di sekolah dan memberi khidmat kaunseling yang berkesan. Walaupun khidmat ini diberikan di sekolah-sekolah pada masa ini tetapi ia tidaklah secara menyeluruh. Kaunselor hendaklah selalu berdamping dengan pelajar-pelajar yang bermasalah dan wujudkan hubungan yang erat supaya dapat tahu punca sebenar seseorang pelajar melibatkan diri dalam masalah disiplin.

Dengan adanya langkah-langkah seperti ini maka diharapkan masalah disiplin pelajar-pelajar India dapat di atasi.